

Headline **Syor pinda Akta 319 bolehkan produk semula jadi dikomersial**  
Date **02 Aug 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **32**  
Article Size **187 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,238**  
PRValue **24,715**



## Syor pinda Akta 319 bolehkan produk semula jadi dikomersial

**K**ERAJAAN perlu meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia (MFRDB) 319 bagi membolehkan produk semula jadi termasuk herba daripada industri bioteknologi dikomersialkan secara meluas di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Cadangan pindaan yang turut disuarakan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sejak 2006 itu bertujuan memperkasakan industri berkaitan dan memberi peluang kepada pengeluar tempatan dalam bidang bioteknologi bergerak aktif dalam pasaran yang merekodkan pertumbuhan positif setiap tahun itu.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata pindaan kepada Akta FRIM akan mengiktiraf institut berkenaan sebagai entiti undang-undang yang akan mewujudkan fleksibiliti, peluang yang lebih besar kepada pemain industri sekali gus menentukan hala tuju dan hak harta intelek negara.

"Pindaan ini selaras komitmen FRIM memperluas akses pemain industri berikutan nilai pasaran produk dan perkhidmatan industri biotek-

nologi negara dijangka mencecah RM885 juta menjelang akhir tahun depan.

"Dengan Malaysia kaya dengan biodiversiti yang mana jika digunakan secara cekap dan optimum ia mampu menjana kepada pertumbuhan industri bioteknologi negara. Jadi FRIM amat mengharapkan akta sedia ada dipinda untuk memberi manfaat kepada industri," katanya.

Tahun lalu, nilai pasaran bioteknologi negara mencecah RM663 juta dan sektor itu menyumbang 2.2 peratus kepada KDNK.

Abd Latif berkata, pindaan akta itu tidak hanya merancakkan industri bioteknologi dan herba, malah ia dilihat dapat membuka peluang kepada syarikat penyelidikan dan pembangunan (R&D) menubuhkan lebih banyak anak syarikat bertujuan



Abd Latif Mohmod

mengkomersialkan produk dihasilkan.

"Akta MFRDB 319 menghadkan akses peserta industri mengeluarkan produk semula jadi walaupun berpotensi dikomersialkan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, FRIM masih memberikan galakan kepada peserta industri menerusi Program Rakan Kongsi Bio-Nexus (BNP) bagi membangunkan industri itu secara mapan sejajar dengan pelaksanaan Dasar Bioteknologi Kebangsaan menerusi penyediaan 56 makmal BNP di seluruh negara.

**FAKTA NOMBOR**  
**RM885**  
**juta**  
jangkakan nilai pasaran bagi produk dan perkhidmatan industri bioteknologi negara menjelang akhir tahun depan